

**PM Dijadual Sampai Ucaptama Pada seminar Fiqh Mentaati Pemimpin Jun Ini  
Bernama  
22 Mei, 2012**

PETALING JAYA, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menyampaikan ucaptama dan merasmii "Seminar Antarabangsa : Fiqh Mentaati Pemimpin" di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, yang bermula pada 15 Jun.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Abdullah Md Zin berkata seminar tiga hari itu bertujuan membincangkan isu ilmu fiqh yang berkaitan hubungan rakyat dan pemimpin.

"Seminar ini akan membincangkan pandangan pelbagai ulama dan cendekiawan Islam serta menganalisis pengalaman negara Arab dalam menangani isu ketaatan terhadap pemimpin," katanya pada sidang akhbar di sini, pada Selasa.

Beliau berkata tujuh kertas kerja akan dibentang termasuk "Fiqh Mentaati Pemimpin" oleh bekas Canselor Universiti Al-Azhar Mesir Syeikh Prof Dr Umar Hashim.

Mufti Palestin Syeikh Ekrima Sa'id Sabri dan Imam Masjidil Haram Mekah Syeikh Maher Al-Mueaqly masing-masing akan membentang kertas kerja bertajuk 'Harapan Ummah Kepada Pemimpin Dunia Islam' dan 'Adaptasi Kepimpinan Nabi Dalam Pentadbiran Negara', katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667765>